

orang gadis2 ini. Mereka tidak sa- harus-nya menya- makan ketiga 2 orang gadis ini de- ngan lain2 gadis ke- banyakan.

Tiga orang gadis ini bukan-lah g a d i s 2 sembarangan.

Kebolehan dan ka- ahlian seni silat yang di-perlengkapkan pa- da diri mereka ma- sing2 sudah chukup menjadi satu 'ama- ran' kepada kaum pria.

## Akibat

Mereka bukan gadis2 yang boleh di-permain2- kan ataupun di-usek2 se- suka hati oleh kaum2 pria itu.

Ka-ahlian mereka itu mungkin membawa aki-

bat yang burok kapada sa-barang pria yang chuba mengganggu ke- tenteraman mereka itu.

Bagi pria2 yang tidak punya seni pertahanan diri seperti mereka itu di-nasihatkan jangan se- kali2 chuba nasib mere- ka itu.

Ketiga2 orang gadis ini ia-lah Saharah Ali, Minah Minang dan Kami- sah Rawi — kesemua-nya anggota dari kumpolan seni silat Seligie Kuni- ngan.

Dan mereka sekarang ini sedang ranchak men- jalankan latehan2 mereka dalam seni pertahanan diri itu.

Saharah merupakan sa- orang gadis yang lemah lembut lagi peramah. Tapi dia juga merupakan sa-orang gadis yang be- gitu gagah bila menu- njokkan ka-ahlian-nya itu.

Tangkisan2-nya yang begitu pantas dan tum- bakan2-nya yang begitu

Malah sa-siapa sahaja lelaki yang chuba me- ngganggu diri-nya itu akan menerima akibat yang burok kalau tidak pun parah terok mene- rima pukolan2 dari-nya.

Saharah mempelajari silat pertanian diri ini sa-bagai salah satu lang- kah untuk memperlin- dongkan diri-nya dari sa-barang gangguan kaum lelaki.

## Setuju

"Sebab itu saya mem- pelajari-nya dengan ber- sungoh2 sa-tiap kali la- tehan2 di-jalankan," kata-nya lagi:-

"Memang-lah baik un- tok gadis2 kita zaman sekarang ini sa-banyak sedikit mengetahui seni pertahanan diri ini.

"Kerana dengan me- lengkapkan diri mereka dengan silat pertahanan ini, mereka juga dapat melengkapkan diri, untuk menghadapi satu2 keada- an kechemasan kelak".

Kamisah Rawi berse- tuju dengan pendapat Saharah.

Malah dia mencha- dangkan kapada gadis2 untok mengambil kursus2 seni silat ini sa-bagai satu kemestian bagi me- reka.

"Tentu sekali tidak akan berasa khatir un- tok menghadapi sebarang gangguan2 daripada pe- muda2 kita yang mem- ang suka mengusek2 itu", kata-nya.

Lebeh2 lagi menjalani kursus seni silat ini juga merupakan satu latehan jasmani dan menyihatkan badan di-samping mem- beri kita pengetahuan un- tok mempertahankan diri dari satu2 bahaya.

Menyokong pendapat dua orang kawan-nya itu ia-lah Minah Minang, sa-orang perawan yang gagah.

16 AUG 1971

## Tabah

Dia sedang ranchak juga menjalani sa-tiap latehan yang di-adakan pada tiap2 minggu itu.

Kata-nya: "Memang- lah baik untok gadis mempunyai seni perta- hanan diri ini."

Kalau orang2 lelaki boleh mempelajari seni2 pertahanan diri seperti ini, kenapa tidak kita orang2 perempuan mem- pelajari sama apa yang di-lakukan oleh orang2 lelaki?, dia bertanya.

"Kita sa-harus-nya tahu apa yang di-lakukan oleh kaum lelaki. Dan seni silat ini merupakan satu perkara yang mesti di-ketahui oleh kaum perempuan ataupun



16 AUG 1971 KAMISAH RAWI